



## JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI JABATAN PERDANA MENTERI

ARAS 7, SETIA PERDANA 3, KOMPLEKS SETIA PERDANA,  
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
E-mel : [upa\\_dccomm@jpm.gov.my](mailto:upa_dccomm@jpm.gov.my) Tel : 603 8872 7239



### SIARAN MEDIA

#### J-KOM BERI KEFAHAMAN ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA DALAM KALANGAN KOMUNITI

**PORT DICKSON, 14 OGOS** – Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) hari ini telah menganjurkan Program Suara Keluarga Malaysia di Kampung Palebar Baru, Pasir Panjang Port Dickson dengan matlamat memberi kefahaman mengenai aspirasi Keluarga Malaysia kepada komuniti setempat.

Menurut Ketua Pengarah J-KOM, YBhg. Dato' Dr. Zuraidi Ishak, program ini adalah wadah untuk Jabatan memberi kefahaman kepada komuniti di pelbagai peringkat mengenai konsep Keluarga Malaysia yang berasaskan kepada tiga teras utama iaitu keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

Program ini dirangka bagi menemukan pemimpin tempatan dengan pemimpin Kerajaan bagi tujuan mengenal pasti isu-isu setempat dan mendengar sendiri suara komuniti untuk diangkat kepada pengetahuan pucuk pimpinan negara. Di samping itu, melalui program seumpama ini, komuniti mendapat maklumat yang tepat menerusi sesi perkongsian ilmu yang turut diselitkan dalam program tersebut.

“Bagi memenuhi fungsi jabatan dalam membangunkan komuniti yang berbudaya ilmu, berkemahiran digital dan berjiwa patriotik, program sebegini dilaksanakan untuk memudahkan proses pertukaran idea dan penyaluran maklumat secara strategik antara pihak Kerajaan, pemimpin tempatan dan komuniti di peringkat akar umbi, ujar YBhg. Dato' Dr. Zuraidi Ishak dalam ucapannya aluannya.



## **JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI JABATAN PERDANA MENTERI**

ARAS 7, SETIA PERDANA 3, KOMPLEKS SETIA PERDANA,  
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
E-mel : [upa\\_dccomm@jpm.gov.my](mailto:upa_dccomm@jpm.gov.my) Tel : 603 8872 7239



Program yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Haji Mohd Faizal Bin Ramli, Pengerusi Majlis Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi Parlimen Port Dickson ini telah mendapat kerjasama Jabatan Kesihatan Daerah, Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pendidikan Daerah, Suruhanjaya Pilihanraya dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Program ini turut menganjurkan Sukan Rakyat, demonstrasi pemadaman api, pemeriksaan kesihatan dan gigi, semakan daftar pengundi dan perkhidmatan bergerak oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

**###**

**UNIT PERHUBUNGAN AWAM  
JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI**

**14 OGOS 2022**

---

*Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Unit Perhubungan Awam di talian 03-8872 7239 atau e-mel ke [upa\\_dccomm@jpm.gov.my](mailto:upa_dccomm@jpm.gov.my)*